



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**MEREKA BENTUK ALAT BANTU PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KANAK-KANAK AUTISME**

Norhidayah Binti Abdullah

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda
Seni Gunaan dengan Kepujian (Teknologi Seni Reka)

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2014**

**MEREKABENTUK ALAT BANTU PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KANAK-KANAK AUTISME**

NORHIDAYAH BINTI ABDULLAH

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
Teknologi Seni Reka

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

TAJUK: MEREKABENTUK ALAT BANTU PENGAJARAN DAN

PEMBELAJARAN KANAK-KANAK AUTISME

SESI PENGAJIAN : 2013/2014

Saya NORHIDAYAH BINTI ABDULLAH

Mengaku membenarkan tesis/ laporan ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. Sila tandakan / pada petak yang berkenaan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti Termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh:

.....

Tandatangan Penulis

Tarikh:

Alamat: F195 Parit Satu Titi Serong

34200 Parit Buntar Perak.

.....

Tandatangan Penyelia

Tarikh:

Catatan *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bsgi Ijazah Sarjana Muda, Doktor Falsafah

* Jika Tesis/Laporan SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi Berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan Sebagai SULIT atau TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade : _____

Please tick (√)

Final Year Project Report

Master

PhD

√

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the _____ day of _____ 2014.

Student's Declaration :

I, **NORHIDAYAH BINTI ABDULLAH, 27514, FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF** hereby declare that the work entitled, "**MEREKABENTUK ALAT BANTU PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KANAK-KANAK AUTISME**" is my original work. I have not copied from any student's work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

Date : _____

NORHIDAYAH BINTI ABDULLAH (27514)

Supervisor's Declaration:

I, **DR. MUSDI BIN SHANAT** hereby certify that the work entitled, "**MEREKABENTUK ALAT BANTU PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KANAK-KANAK AUTISME**" was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (DESIGN TECHNOLOGY)**, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work

Received for examination by: _____

DR. MUSDI BIN SHANAT

Date : _____

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Center for Academic Information Services with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- The Center for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Center for Academic Information Services has the lawful right to digitise the content to for the Local Content Database.
- The Center for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself/herself neither third party on this Project/Thesis once it becomes sole property of UNIMAS
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's signature: _____

Supervisor's signature: _____

Date :

Date :

Current Address : F195 PARIT SATU
TITI SERONG
34200 PARIT BUNTAR
PERAK

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

(The instrument was duly prepared by The Center for Academic Information Services)

PENGESAHAN

Projek bertajuk **Merekabentuk Alat Bantu Pengajaran dan Pembelajaran Kanak-kanak Autisme** telah disediakan oleh **Norhidayah binti Abdullah** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Teknologi Seni Reka)

Disahkan oleh :

.....

Dr. Musdi Bin Shanat

Penyelia

PENGAKUAN

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat bahagian penyelidikan, dihasilkan atau dilaporkan dalam tesis ini yang telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk suatu ijazah atau kelulusan samada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.

Tandatangan Penulis :

Norhidayah Binti Abdullah

Tarikh :

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.....

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T dengan berkat kebesaran-Nya saya telah berjaya menyiapkan Projek Tahun Akhir yang bertajuk Merekabentuk Alat Bantu Pengajaran dan Pembelajaran Kanak-kanak Autisme. Ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Musdi Bin Shanat yang terlalu banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar kepada saya bagi menyiapkan Projek Tahun Akhir ini. Terima kasih juga buat semua pensyarah dan staf di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif yang banyak membimbing saya sepanjang tiga tahun berada di Universiti Malaysia Sarawak. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada guru besar dan guru-guru di Persatuan Kebajikan Kanak-kanak Terencat Akal Sarawak (PERKATA) kerana memberi bantuan dan kerjasama yang amat tinggi kepada saya untuk melakukan kajian di PERKATA. Ucapan terima kasih dan penghargaan juga buat kedua ibu bapa saya yang tercinta, Abdullah bin Saad dan Zainab binti Darus yang menjadi tulang belakang saya selama ini dan adik-beradik saya yang banyak memberikan sokongan dan dorongan kepada saya. Akhir sekali, saya juga ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan Program Seni Gunaan dan Kreatif. Kenangan bersama mereka tidak akan saya lupakan.

Sekian, Wassalam.

KANDUNGAN

	HALAMAN
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	i
DECLARATION OF ORIGINAL WORK	ii
PENGESAHAN	iv
PENGAKUAN	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI FIGURA	xi
SENARAI CARTA PAI	xii
ABSTRAK	xiii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	2
1.3 Persoalan Kajian	2
1.4 Objektif Kajian	3
1.5 Skop Kajian	4
1.6 Limitasi Kajian	5
1.7 Kesimpulan	5
BAB 2 : SOROTAN KAJIAN LEPAS	
2.0 Pengenalan	6

2.1 Statistik Penghidap Autisme di Malaysia	7
2.2 Masalah Pembelajaran Kanak-kanak Autisme	8
2.3 Masalah Bahasa Kanak-kanak Autisme	9
2.4 Kaedah Dan Terapi Untuk Membantu Kanak-kanak Autisme	9
2.5 Kesimpulan	11

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	12
3.1 Lokasi Kajian	12
3.2 Persampelan Kajian	13
3.3 Sumber Data	14
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	16
3.5 Kesimpulan	26

BAB 4 : ANALISA DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	25
4.1 Hasil Dapatan Kajian	25
4.2 Observasi	26
4.2.1 Masalah Bahasa dan Komunikasi	26
4.2.3 Masalah Interaksi Sosial	27
4.2.3 Kecenderungan Tingkah Laku	28
4.2.4 Masalah Emosi Dan Agresif	30
4.2.5 Masalah Kekeliruan	31
4.2.6 Masalah Hiperaktif	31

4.2.7 Kemahiran Motor dan Kognitif	32
4.2.8 Masalah Tidak Fokus Pada Arahan	33
4.3 Demografi Responden	34
4.4 Pengetahuan Umum Mengenai Kanak-kanak Autisme	35

BAB 5 : CADANGAN REKABENTUK

5.0 Pengenalan	39
5.1 Analisa Rekabentuk	39
5.2 Konsep	40
5.3 Lakaran Perkembangan Idea	41
5.4 Mockup	46
5.5 Spesifikasi Rekabentuk	47
5.6 Cadangan Produk Akhir	47
5.7 Cadangan Antaramuka Produk	49
5.8 Cara Menggunakan Produk Akhir	52
5.9 Kesimpulan	53

BAB 6: VALIDASI PRODUK

6.0 Pengenalan	54
6.1 Proses Validasi	54
6.2 Kelebihan Produk	55
6.3 Kekurangan Produk	55
6.4 Kesimpulan	56

BAB 7: KESIMPULAN

Kesimpulan 57

RUJUKAN 58

LAMPIRAN 60

<u>Senarai Figura</u>	Halaman
Figura 3.0 : Menunjukkan maklumat demografik <i>Persona</i>	17
Figura 3.1 : <i>User Persona</i> Dannis bermain <i>Puzzle Block Zoo</i>	18
Figura 3.2 : <i>User Persona</i> Ng Jian Hon Membina <i>Puzzle</i>	18
Figura 3.3 : <i>User Journey Mapping</i>	20
Figura 4.1 : Guru Menjalankan Sesi Pengajaran	27
Figura 4.2 : Dannis dan Ng jian Hon bermain sendirian	27
Figura 4.3 : Dannis Oii ketawa setelah selesai menyusun blok	28
Figura 4.4 : Dannis Oii memutarakan <i>block puzzle</i>	29
Figura 4.5 : Ng Jian Hon berlegar-legar di dalam kelas	30
Figura 4.6 : Dannis menggigit alat permainan yang diberikan	31
Figura 4.7 : Dannis memanjat kotak menyimpan permainan	31
Figura 4.8 : Dannis meletak dan menyusun <i>block puzzle</i>	32
Figura 4.9 : Ng Jian Hon Berjaya menyelesaikan <i>block puzzle</i>	32
Figura 4.10 : Ng Jian Hon bersama kawan-kawan berhampiran <i>Trampoline</i>	33
Figura 4.11 : Ng Jian Hon menaiki papan gelongsor	33
Figura 5.0 : Proses Reka Bentuk Di Peringkat Awal	41
Figura 5.0.1 : Padanan Bentuk	41
Figura 5.0.2 : Proses Memasukkan <i>Block</i> Pada Bahagian <i>Platform</i>	42
Figura 5.0.3 : Proses Reka Bentuk Petunjuk <i>Block</i>	43
Figura 5.0.4 : Susunan Bentuk <i>Block</i>	43
Figura 5.1 : Perkembangan Idea Pertama	44
Figura 5.2 : Perkembangan Idea Kedua	45

Figura 5.3 :	<i>Mockup</i> Produk	46
Figura 5.4 :	Cadangan Produk Akhir	47
Figura 5.5 :	Cadangan Antaramuka Lapisan Pertama dan Kedua Produk	49
Figura 5.6 :	Cadangan Antaramuka Lapisan Ketiga Dan Keempat Produk	50
Figura 5.7 :	Cadangan Antaramuka Lapisan Kelima Dan Keenam Produk	51
Figura 5.8 :	Cara Menggunakan Produk Pada Lapisan Pertama	52
Figura 5.9 :	Penggunaan Produk Pada Lapisan Kedua	52
Figura 5.10 :	Guru Memberikan Arahan untuk Menggunakan Produk	53

Senarai Carta Pai

Carta Pai 4.12 :	Peraturan Pekerjaan Responden	34
Carta Pai 4.13 :	Peraturan Mengenai Produk Bantu Mengajar Kanak-kanak Autisme yang Biasa Digunakan	35
Carta Pai 4.14 :	Pengetahuan Mengenai Kesesuaian Alat Bantu Mengajar Sedia Ada ke Atas Semua Kanak-kanak Autisme	36
Carta Pai 4.15 :	Pengetahuan Mengenai Ciri-ciri Reka bentuk Alat Bantu Mengajar yang Sesuai Untuk Kanak-kanak Autisme	37
Carta Pai 4.16 :	Pengetahuan Mengenai Fungsi-fungsi Reka Bentuk Alat Bantu Mengajar yang Sesuai Untuk Kanak-kanak Autisme	38

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mereka bentuk sebuah alat bantu mengajar untuk kanak-kanak Autisme. Produk yang dihasilkan menekankan kepentingan pembangunan kemahiran komunikasi dan dapat fokus kepada setiap arahan yang diberikan. Autisme merupakan sindrom tingkah laku yang unik iaitu satu masalah gangguan persepsi, tahap kognitif yang rendah dan kemahiran komunikasi yang lemah. Pelbagai kaedah digunakan untuk membantu kanak-kanak autisme menumpukan perhatian terhadap pengajaran yang disampaikan oleh guru-guru. Namun begitu, masih belum terdapat sukatan pengajaran khas atau modul pembelajaran untuk kanak-kanak autisme. Justeru itu, penyelidikan berbentuk observasi dengan penyediaan “Personas Blue Print” telah dibuat supaya hasil dapatan kajian yang tepat dapat diperolehi. Seterusnya produk yang praktikal dapat direka untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak autisme yang berumur lima hingga lapan tahun.

Kata Kunci: “Autisme”, “menumpukan perhatian”, “Personas Blue Print”, “Observasi”

BAB 1

1.0 PENGENALAN KAJIAN

Bab ini menerangkan perkara-perkara fundamental penyelidikan yang merangkumi latar belakang kajian, skop kajian dan kemudiannya membincangkan secara khusus permasalahan dan persoalan kajian.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Autisme berasal dari istilah Yunani. Menurut Razhiyah (2008), Autisme berasal dari perkataan *autos* iaitu diri sendiri dan *isme* yang bermaksud *aliran*. Jadi dalam erti kata lain kanak-kanak autisme diertikan sebagai kanak-kanak yang berada dalam dunianya sendiri. Oleh sebab itu, jika kita lihat kanak-kanak ini sukar didekati dan berkomunikasi secara verbal. Kanak-kanak autisme juga sukar untuk didekati kerana sikapnya yang suka untuk bersendirian. Autisme merupakan salah satu daripada kecacatan yang kadangkala dipanggil “*pervasive developmental disorders*” ataupun “*Autism Spectrum Disorder*”. Menurut Pierangelo & Giuliani (2008) “*Autism Spectrum Disorder*” (ASD) adalah gangguan perkembangan asal neurobiologi yang boleh mempunyai kesan sepanjang hayat pada interaksi sosial, keupayaan untuk menyampaikan idea dan perasaan, imaginasi, dan pembinaan hubungan. Walaupun simptom autisme berbeza, namun terdapat beberapa ciri yang sama termasuklah, kelemahan berinteraksi, masalah keterlambatan dalam bidang kognitif, bahasa, perilaku dan komunikasi. Perbezaan dalam hubungan sosial kemungkinan ciri yang paling menonjol dalam diri kanak-kanak autisme. Kanak-

kanak ini kebiasaannya sukar memberi tindak balas atau respon kepada ibubapa ataupun penjaga yang lain. Menurut Leo Kanner (1943), kanak-kanak autisme adalah golongan yang tidak berkeupayaan menyesuaikan diri mereka secara normal dan mempunyai masalah komunikasi yang berkesan di sekeliling persekitarannya.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

- i. Kekurangan kepakaran dalam perkhidmatan pendidikan kanak-kanak autisme serta kekurangan kesedaran pendidikan khas untuk kanak-kanak autisme
- ii. Kekurangan alat bantu mengajar di pasaran yang mampu mengawal tingkah laku kanak-kanak autisme secara konsisten
- iii. Kekurangan teknik pembelajaran yang berkesan bagi kanak-kanak autisme di Malaysia. Pemikiran imiginasi kanak-kanak autisme sentiasa berkurangan, maka penulisan dan pembacaan yang kreatif tidak mampu difahami oleh kanak-kanak ini.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah teknik pengajaran atau alat bantu mengajar yang sesuai untuk membantu proses pembelajaran kanak-kanak autisme.
- ii. Bagaimana cara untuk merekabentuk alat yang dapat menarik minat kanak-kanak autisme untuk menumpukan perhatian ketika sesi pembelajaran dijalankan.

- iii. Adakah alat dan perkhidmatan yang bakal dihasilkan mampu meningkatkan daya komunikasi mereka.
- iv. Adakah alat dan perkhidmatan yang bakal dihasilkan mampu mengawal tingkah laku kanak-kanak autisme untuk menumpukan perhatian kepada pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menganalisa tabiat dan karakteristik kanak-kanak autisme yang berumur antara 5-8 tahun dan seterusnya mencadangkan garis panduan untuk menghasilkan produk yang dapat membina keyakinan diri berkomunikasi kanak-kanak autistik.
- ii. Mengkaji kesesuaian produk bantu mengajar untuk guru pendidikan khas supaya kanak-kanak autisme dapat berinteraksi dengan baik.
- iii. Menghasilkan “Persona Blue Print” kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk guru-guru pendidikan khas bagi kanak-kanak autistik.
- iv. Menghasilkan sebuah produk pengajaran dan pembelajaran khusus untuk menarik perhatian kanak-kanak autistik berinteraksi dengan guru-guru.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian merangkumi aspek pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak autisme yang berumur lima hingga lapan tahun di dalam kelas. Selain itu, kajian juga berfokus kepada ruang lingkup lebih kepada pendidikan, kaedah komunikasi, penjagaan dan pengawalan emosi serta tingkah laku kanak-kanak autisme. Menurut Siti Hodijah (2012), kanak-kanak autisme sebenarnya boleh mendengar dan melihat, namun kecacatan mental yang dihadapi menyebabkan mereka sukar untuk memahami dan menafsir maklumat yang diperoleh.

Menurut kenyataan oleh Siti Hodijah (2012) merujuk kepada kajian yang dilakukan oleh Light dan Drager (2007) menyatakan bahawa sesetengah kanak-kanak autisme tidak dapat membangunkan kemahiran pertuturan mereka sendiri dan memerlukan satu sistem komunikasi yang berkait dengan pengalaman, persekitaran dan interaksi mereka dengan orang dewasa. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak autisme amat memerlukan sistem pendidikan dan pembelajaran yang sesuai supaya masalah kanak-kanak tersebut dapat diatasi. Oleh hal yang demikian, peranan guru-guru pendidikan khas amat penting dalam membantu kanak-kanak autisme dalam pembelajaran dan komunikasi mereka. Guru-guru perlu berstrategi untuk mengatur kaedah-kaedah supaya dapat membantu menangani masalah kanak-kanak yang menghidap autisme tersebut.

1.6 LIMITASI KAJIAN

- i. Percampuran kanak-kanak kurang upaya yang berbeza masalah bersama-sama kanak-kanak autisme dalam satu pusat pendidikan khas yang sama menyebabkan guru-guru dan para penjaga kurang fokus kepada permasalahan setiap pelajarnya.
- ii. Sekolah pendidikan khas yang terhad terutama di kawasan kota samarahan.
- iii. Jangka masa kajian yang begitu terhad disebabkan oleh pertembungan tarikh cuti persekolahan dengan waktu kajian.

1.7 KESIMPULAN

Kanak-kanak berkeperluan khas seperti autisme perlu dididik sebaik mungkin mengikut kaedah-kaedah yang bersesuaian supaya mereka dapat menerima pengajaran dan pembelajaran yang diberikan. Usaha-usaha perlu dilakukan dalam menghasilkan satu rekabentuk perkhidmatan kepada guru-guru dan para penjaga kanak-kanak autisme ini supaya, kanak-kanak ini mendapat pendidikan yang sempurna, dan boleh berdikari dan berinteraksi dengan masyarakat sekelilingnya. Produk pengajaran dan pembelajaran di sekolah khas masih kurang dan ada kalanya tidak sesuai untuk kanak-kanak autisme. Justeru itu, rekabentuk baru produk bantu mengajar perlu diwujudkan supaya dapat menyumbang kepada kepelbagaian produk sedia ada.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang penyelidikan yang telah dijalankan seperti kaedah perkhidmatan yang diberikan oleh guru-guru kepada kanak-kanak autisme dibawah didikan mereka. Perbincangan juga menjurus kepada pengenalan tentang apa itu autisme, statistik autisme dan masalah-masalah yang sering dihadapi oleh kanak-kanak autisme. Matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk membantu para guru supaya dapat memberikan perkhidmatan pembelajaran yang terbaik kepada kanak-kanak autisme ini.

Disamping itu juga pendekatan menggunakan beberapa model yang disarankan oleh pengkaji terdahulu turut digunakan dalam kajian ini. Pelbagai isu akan diutarakan dalam kajian lepas yang berkaitan dengan persepsi,kesedaran dan kepuasan ibu bapa terhadap sistem pembelajaran yang diberikan oleh guru- guru kepada anak- anak mereka yang menghidapi masalah autistik. Kajian lepas yang merangkumi data-data dan maklumat mengenai individu (kanak-kanak autistik yang terlibat) serta perubahannya dari semasa ke semasa apabila sesi pembelajaran diberikan.

2.1 STATISTIK PENGHIDAP AUTISME DI MALAYSIA

Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan melalui kajian pada tahun 2004, satu daripada 600 kelahiran adalah disahkan penghidap autisme di bawah usia 15 tahun. Hal ini bermaksud sehingga bulan Jun 2013, kadar penghidap autisme pada kadar kelahiran tersebut adalah seramai 13, 333 orang¹. Menurut kajian yang dikeluarkan oleh Ministry of Education British Columbia 2000 pula, kanak-kanak autisme sering menunjukkan ketidakupayaan mereka dalam perkembangan sosial, komunikasi dan juga tingkah laku. Mereka mampu mendengar dan melihat.

Walau bagaimanapun, kecacatan mental yang mereka hadapi menyebabkan mereka sukar untuk memahami dan mentafsirkan maklumat yang diperolehi. Kajian yang dibuat oleh Gans, Kaylor, Bourgeois dan Hadden(2008) menunjukkan bahawa kanak-kanak autisme ini tidak tahu memulakan pertuturan dan melibatkan diri dalam komunikasi. Pelbagai kaedah pengajaran yang sesuai dan kurikulum yang khusus perlu diwujudkan bagi memastikan kanak-kanak yang menghidap autisme ini turut mendapat keperluan pembelajaran yang sewajarnya dan dapat berkomunikasi dengan baik.

Menurut Jamila K.A. Mohamed (2005) di dalam buku yang bertajuk “Pendidikan Khas”, guru perlu bersikap realistik tentang apa yang diharapkan berkaitan dengan tingkah laku murid. Guru- guru juga perlu menyediakan garis panduan dengan bijak dan cuba abaikan insiden-insiden kecil selain perlu menggunakan variasi teknik bagi membentuk persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif bagi membantu murid dengan keperluan khas. Cernahan (2006) juga

1. <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/permata-kaji-kaedah-terbaik-untuk-kanak-kanak-autistik> Bernama, 3 Julai 2013. diakses pada 20 April 2014

menyatakan kanak-kanak autisme khususnya tidak sesuai mengikuti pembelajaran di kelas aliran perdana kerana kandungan pelajaran yang tidak memenuhi keperluan mereka serta penggunaan bahasa lisan sebagai dominan dalam arahan.

2.2 MASALAH PEMBELAJARAN KANAK-KANAK AUTISME

Masalah pembelajaran merupakan satu masalah kronik yang dihadapi oleh kanak-kanak autisme. Masalah pembelajaran yang dihadapi oleh kanak –kanak ini berpunca daripada kecacatan perkembangan mental yang dialami oleh mereka. Menurut Michael Waldman, Sean Nicholson,& Nodir Adilov (2006) dalam jurnalnya menyatakan bahawa kanak-kanak autisme ini mengalami masalah separa buta akal. Mereka kurang memahami konsep pemahaman yang difikirkan oleh orang lain. Kelemahan atau ketidakupayaan dalam bahasa dan komunikasi menyebabkan ramai kanak-kanak autisme mengalami kesukaran dalam pembelajaran. Menurut Ministry of Education British Columbia (2000), Kanak-kanak autistik sering menunjukkan ketidakupayaan mereka dalam perkembangan sosial, komunikasi, dan juga tingkahlaku. Hal ini menyebabkan mereka tidak mampu memberikan tindak balas terhadap suatu ransangan seperti bunyi- bunyian atau objek yang mereka lihat, Siti Hodijah (2012).

2.3 MASALAH BAHASA DAN KOMUNIKASI KANAK-KANAK AUTISME

Masalah bahasa dan komunikasi merupakan isu utama individu Autisme. Martin dan Miller (1996) menyatakan bahawa masalah bahasa merujuk kepada ketidakupayaan seseorang kanak-kanak untuk menguasai kemahiran berbahasa yang terdiri daripada lima komponen utama bahasa iaitu sintaksis, fonologi, morfologi, semantik dan aspek pragmatik. Manakala komunikasi pula bermaksud satu proses informasi dipindahkan di antara dua atau lebih individu. Menurut Dunst, Lowe & Bartholomew (1990), komunikasi melibatkan mana-mana tingkah laku perlakuan sama ada disengaja atau tidak disengaja dan mempunyai maksud terhadap seseorang mengenai emosi atau fisiologi seseorang.

2.4 KAEDAH DAN TERAPI UNTUK MEMBANTU KANAK- KANAK AUTISME

Pelbagai jenis terapi yang digunakan untuk membantu kanak-kanak autisme menjalani kehidupan seharian, antaranya adalah terapi sosial, terapi fizikal, terapi bermain dan terapi bertutur. Menurut Akhbar Bernama², Keseluruhan terapi ini telah dirangkulkan menjadi satu terapi yang dinamakan Applied Behaviour Analysis atau akronimnya disebut terapi ABA. Menurut Bernama lagi, terapi ABA adalah sejenis terapi yang berasaskan psikologi dan memerlukan seorang juruterapi untuk memberikan ransangan kepada kanak-kanak autisme. Tujuan terapi ini dijalankan adalah untuk mengurangkan tingkah laku yang berlebihan atau tidak wajar. Manakala dalam kemahiran sosial pula ABA menggunakan teknik berkumpulan dan bercerita.

² <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/permata-kaji-kaedah-terbaik-untuk-kanak-kanak-autistik> Bernama, 3 Julai 2013. diakses pada 20 April 2014